

## **Perbandingan Kata Nama Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dari Sudut Semantik Leksikal**

**Nabillah bt. Bolhassan**  
Kolej Universiti Teknologi Sarawak

### **Abstrak**

Kajian ini berkaitan perbandingan dialek Melayu Sarawak di Sibu dengan bahasa Melayu baku. Dialek Melayu Sarawak di Sibu bukanlah dialek yang dominan kerana populasi masyarakat di Sibu majoritinya berbangsa Cina. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan kata nama dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku serta menghuraikan perbezaan kata nama dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah elisitasi yang dijalankan terhadap penjawat awam yang berkhidmat di Rejimen 510 Askar Wataniah Kem Seri Rajang, Sibu Sarawak untuk mengenal pasti beberapa kata nama dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku yang dipercayai boleh mendatangkan kecaburan makna. Teori yang digunakan ialah teori semantik leksikal. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa terdapat 10 kata nama dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku yang dipercayai boleh mendatangkan kecaburan makna kerana mempunyai sebutan yang sama tetapi berbeza dari segi maknanya. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat membantu masyarakat yang datang dari latar dialek yang berbeza untuk lebih menguasai dialek Melayu Sarawak supaya tidak berlakunya kecaburan makna serta dapat mengelakkan daripada berlakunya prejudis, salah sangka dan salah faham terhadap mereka yang melancong atau berkhidmat di Sarawak.

Kata kunci: *dialek; dialek Melayu Sarawak; kata nama; semantik; makna*

## **Noun Comparison between Sarawak Malay dialect with Malay Standard Language in Lexical Semantics Perspective**

### **Abstract**

*This study is about a comparison between a Sarawak Malay Dialect in Sibu and our Standard Malay Language. Sarawak Malay Language in Sibu is not really a dominant dialect because the largest population of community in Sibu is being conquered by Chinese. The objective of this study is to identify the differences between Sarawak Malay Dialect and Standard Malay Language and to elaborate them. This study applies elitation which has been done towards number of government servant whom are serving in Regiment 510 Askar Wataniah Seri Rajang, Sibu to identify nouns of Sarawak Malay Language which are believed to cause confusion. The theory that has been applied is lexical semantics. The outcomes of this study sound out that 10 nouns of Sarawak Malay Dialect and Sarawak Malay Language might caused confusion in delivering the meaning because they got are same pronunciations but differences meaning. Throughout, this study the researches will be helping out the dialect to master the Sarawak Malay Dialect, so that they will be no confusion anymore and it also can avoid from any prejudice, misunderstandings when they visit or serve in Sarawak.*

*Keywords:* *dialect; Sarawak Malay Language; nouns; semantics, meanin*

## PENGENALAN

Negeri Sarawak Bumi Kenyalang mempunyai masyarakat yang rencam dengan etnik, fahaman, budaya, serta adat resam yang diwarisi turun - temurun daripada generasi terdahulu. Masyarakat yang terdiri daripada suku kaum yang pelbagai seperti Melayu, Iban, Cina, Melanau, Kenyah, Bidayuh dan lain-lain lagi hidup secara aman dan harmoni serta bertoleransi dalam kepelbagaian yang wujud melatari ruang lingkup kehidupan sehari-hari. Semua suku kaum yang terdapat di Sarawak sering berhubung antara satu sama lain dalam apa juga urusan, sama ada urusan sosial maupun ekonomi dalam urusan sehari-hari mereka. Hal ini termasuklah juga dalam aspek pilihan bahasa yang digunakan tanpa masalah yang boleh merosakkan hubungan sesama mereka.

Perbezaan variasi bahasa yang dituturkan oleh masyarakat berbilang kaum di negeri Sarawak membuatkan negeri ini begitu unik dengan kepelbagaian bahasa yang dimiliki masyarakatnya. Masyarakat yang terdiri daripada berlainan pembawaan dan budaya secara langsung telah mewujudkan satu suasana kepelbagaian pertuturan bersandarkan latar belakang etnik masing-masing. Dialek Melayu Sarawak merupakan salah satu daripada sekian banyaknya bahasa dan dialek yang dipertuturkan oleh masyarakat di negeri bumi kenyalang. Dialek ini menjadi medium integrasi nasional antara kaum di Sarawak serta menjadi sumber interaksi khusus bagi kaum Melayu (Collin, 1993). Walau bagaimanapun, bahasa Melayu baku tetap digunakan dalam urusan rasmi serta dialek Melayu Sarawak tetap menjadi bahasa pilihan utama penduduk tempatan untuk berkomunikasi antara mereka.

Sungguhpun dialek Melayu Sarawak digunakan dan difahami secara menyeluruh oleh hampir kesemua masyarakat di Sarawak, namun terdapat kekangan dalam aspek pemahaman bahasa apabila melibatkan penutur yang datang daripada latar dialek Melayu yang berbeza, terutamanya dari Semenanjung Malaysia. Senario ini dianggap normal dalam pengadaptasian budaya dan bahasa bagi penutur yang menghadapi kawasan dan suasana baru. Aspek budaya antara masyarakat Melayu Sarawak dengan Semenanjung bukanlah berbeza secara meluas kerana masih terdapat persamaan dalam hal yang tertentu seperti majlis perkahwinan, adat meminang, dan sebagainya. Kelainan yang ketara hanyalah kekeliruan yang timbul dalam kalangan penutur bahasa kerana terdapatnya beberapa perkataan yang mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi berbeza daripada sudut makna.

Tanpa diketahui umum, terdapat beberapa perkataan antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku mempunyai ejaan dan sebutan yang sama, tetapi membawa pengertian yang berlainan. Jika tidak dikaji, perkara ini akan membawa kepada kecaburan makna dan menyukarkan penduduk semenanjung yang menetap di Sarawak untuk memahami konteks sesebuah perbualan. Dengan adanya kajian seperti ini, ia akan memudahkan penjawat awam maupun pelancong yang berada di negeri Sarawak untuk memahami beberapa perkataan yang berpotensi menjadi penyebab kepada kekeliruan makna. Secara tidak langsung, pemahaman masyarakat bukan tempatan terhadap dialek Melayu Sarawak akan mewujudkan suasana harmoni dan hubungan mesra ketika berinteraksi dengan masyarakat asal negeri tersebut.

Di samping itu, kajian ini sedikit sebanyak akan membantu penjawat awam yang bukan berasal dari Sarawak akan dapat meningkatkan pemahaman serta menguasai dialek Melayu Sarawak dengan baik. Dalam suasana tidak formal, sudah tentu penjawat di sektor pekerjaan akan menggunakan dialek campuran untuk berkomunikasi sesama mereka. Apabila penjawat awam bukan tempatan dapat menguasai dialek Melayu Sarawak, maka akan wujudlah hubungan mesra dan sekaligus dapat mengeratkan silaturahim antara mereka. Dengan adanya jalinan yang baik itu, kualiti dan mutu pekerjaan dalam sektor awam terutamanya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Menurut Mohamed Azlan Mis (2012), pelbagai kaum di Sarawak mempunyai bahasa mereka sendiri. Namun, perkara ini tidak menimbulkan sebarang masalah komunikasi kerana rata-rata mereka menggunakan bahasa perhubungan yang menjadi milik bersama, sesuai dan difahami. Mohammed Azlan telah memilih tiga domain bahasa untuk menentukan bahasa perhubungan utama oleh suku kaum Melayu, Melanau, Iban dan Cina, iaitu persahabatan, kedai dan pasar serta bank. Melalui kajian beliau, didapati bahawa pilihan bahasa di Sarawak ialah dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Kedua-dua bahasa ini

dipilih kebanyakan masyarakat negeri tersebut kerana bahasa ini digunakan sebagai bahasa sehari-hari dalam keluarga dan di kawasan kejiranannya. Namun, kedua-dua bahasa ini dipilih berdasarkan situasi, iaitu formal dan tidak formal. Menurut Mohamed Azlan Mis lagi, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban merupakan bahasa dan dialek yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan sehari-hari penduduk di bumi Kenyalang. Kedua-duanya turut berperanan sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan kumpulan penutur yang menggunakan bahasa ibunda yang berlainan sebagai bahasa perhubungan utama. Dalam kajiannya yang bertajuk 'Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa' Mohammed Azlan Mis (2010) berpendapat bahawa dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban sama-sama berfungsi sebagai lingua franca dan merupakan dialek dan bahasa yang sangat berpengaruh dalam kehidupan seharian di Sarawak. Menurut beliau lagi, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban merupakan bahasa yang menyatupadukan pelbagai suku kaum untuk dapat bergaul dengan mesra dan harmoni sesama mereka tanpa sebarang masalah dan halangan berkomunikasi. Dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban juga merupakan bahasa komunikasi antara pelbagai kumpulan penutur yang mempunyai bahasa ibunda yang berbeza dan seterusnya menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa perhubungan utama. Secara rumusannya melalui kajian beliau ini, terdapat dua pilihan bahasa yang utama di Sarawak, iaitu dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Dialek Melayu Sarawak digunakan semasa situasi formal sementara bahasa Iban digunakan semasa situasi tidak formal.

Dalam kajian yang bertajuk 'Homonim antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melanau', Dayang Seriah dan Mary Fatimah menegaskan bahawa penutur natif bahasa Melayu yang pernah mendengar orang Iban bertutur akan mengenal pasti sesetengah kosa kata bahasa Iban kelihatan atau berbunyi lebih kurang sama dengan kosa kata dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, perkataan 'besar', 'makan' dan 'panjang' dalam bahasa Melayu akan menjadi 'besai', 'makai' dan 'panjai' dalam bahasa Iban yang juga membawa membawa makna yang sama. Kedua-dua pengkaji ini berpendapat leksikal yang sama sebutan dan ejaannya dalam sesuatu bahasa boleh membentuk banyak makna. Homonim merupakan dua kata yang berasingan dan diberi dua kata masukan. Menurut kedua-dua pengkaji ini, hubungan Melanau-Melayu wujud sejak masyarakat Melanau ditakluk oleh Kesultanan Brunei pertengahan abad ke 15 dan seterusnya kemasukan pedagang dan pentadbir Melayu dalam zaman Brooke serta kesan perkahwinan campur antara dua kaum itu telah mengakibatkan agama Islam lebih luas pengaruhnya dan telah lama terdedah dalam komuniti Melanau. Bahasa Melanau mempunyai hubungan peranakan atau kekeluargaan dengan bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan apabila terdapat kemiripan bentuk dalam kosa kata seperti 'darah = darak', 'awan = awan', 'telinga = telingah'. Kemiripan ini dilihat sebagai satu dapatan yang positif kerana bahasa Melanau yang lebih menyamai bahasa Melayu dan dianggap lebih mudah difahami kerana kemiripan bentuk kosa kata turut membawa makna yang sama dalam bahasa Melayu. Menerusi dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa perkataan yang sama daripada aspek penyebutan, namun mempunyai maksud yang berlainan. Misalnya perkataan 'ayan' membawa maksud 'dedah' manakala 'agak' bermaksud pergi dalam dialek bahasa Melayu. Namun, perkataan 'ayan' dan 'agak' mempunyai makna lain dalam bahasa Melanau iaitu 'ayan = lapan dan dedah', 'agak = keranda, peti minyak'. Selain itu, perbezaan makna yang homonim antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melanau yang juga menunjukkan hubungan homonim ialah 'manok', 'pisang', 'lupit', 'adik', 'sak', 'madam'. 'Manok' membawa pengertian ayam dalam dialek Melayu Sarawak tetapi bermaksud 'burung' dalam bahasa Melanau. Dalam dialek Melayu Sarawak pisang bererti 'buah pisang' tetapi, bermaksud 'buah nanas' dalam bahasa Melanau. Seterusnya, perkataan lengan (dialek Melayu Sarawak – bahagian badan dari bahu ke pergelangan tangan, bahasa Melanau – suara), sak (dialek Melayu Sarawak – perasaan sakit hati, bahasa Melanau – warna merah). Walau bagaimanapun, persamaan perkataan ini bukanlah membawa maksud bahawa kedua-dua bahasa dan dialek ini berkongsi makna yang sama, namun mempunyai hubungan yang bersifat homonim. Jelaslah bahawa, bentuk homonim bukan sahaja berlaku dalam satu bahasa dengan dialeknya, tetapi turut melibatkan satu bahasa dengan bahasa yang lain. Tuntasnya, perkataan yang berhomonim antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melanau telah membuktikan kedua-dua kumpulan penutur suku kaum sebenarnya terdiri daripada lingkungan komuniti yang tersendiri.


## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan kata nama dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku.
2. Menghuraikan perbezaan kata nama dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku.

## METODOLOGI KAJIAN

Michael Breal, seorang ahli filologi Perancis merupakan orang pertama yang telah memperkenalkan perkataan *semantics*, iaitu pada 1983. Perkataan tersebut telah diperkenalkan dalam buku beliau yang bertajuk *Les Lois Intellectuelles du Language*. Semantik dapat difokuskan daripada beberapa aspek seperti perkataan, ayat, jenis makna, erti dan rujukan, perubahan makna, peribahasa, dan unsur semantik dalam nahu (S.Nathesan, 2001: 2). Semantik terbahagi kepada beberapa jenis yang mana salah satunya akan digunakan dalam kajian ini, iaitu semantik leksikal. Menurut F.R. Palmer (1989), semantik leksikal terbahagi kepada beberapa disiplin, iaitu:



Rajah 1: Disiplin Semantik Leksikal

Untuk kajian ini, pengkaji hanya akan menggunakan satu disiplin, iaitu polisemi. Indirawati Zahid (2013) mendefinisikan polisemi sebagai kata yang berbeza dari segi definisinya namun masih mempunyai hubungan. F.R Palmer (1989) berpendapat bahawa sekiranya melihat konteks linguistik perkataan, selalunya dapat membezakan makna yang berlainan. Sebagai contoh, penggunaan perkataan kerusi dalam contoh ayat berikut:

1. Duduk di kerusi
2. Dia menerima sebuah kerusi Universiti

Ayat di atas memberikan dua makna yang berlainan. Kerusi (1), membawa pengertian tempat duduk yang ada kaki dan tempat bersandar (dan biasanya juga tempat meletakkan tangan). Manakala kerusi (2) membawa maksud kedudukan dalam sesebuah jawatan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik tidak berstruktur yang juga dikenali sebagai teknik temu bual terbuka. Pengkaji telah bertanyakan beberapa soalan terbuka kepada pegawai tentera tentang penggunaan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku. Sesi temu bual yang diadakan, telah membantu pengkaji untuk menganalisis data dengan lebih teliti tentang kajian yang dijalankan. Soal jawab dan interaksi sepanjang sesi temu bual antara pengkaji dengan responden telah dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi dan disertakan pada bahagian lampiran.

Lokasi kajian dijalankan ialah di Rejimen 510 Askar Wataniah, Kem Seri Rajang, Sibu Sarawak. Rejimen Askar Wataniah merupakan pasukan simpanan tentera daripada Tentera Darat Malaysia untuk membantu-ganti Angkatan Tentera Darat ketika perang dan darurat, menghulurkan bantuan kepada tentera darat dalam operasi keselamatan dalam negeri serta membantu pihak berkuasa awam semasa berlakunya bencana alam. Askar Wataniah terbahagi kepada dua unit, iaitu unit kerahan dan unit bukan kerahan. Kajian ini dijalankan di Rejimen 510 Askar Wataniah, Kem Seri Rajang Sibu kerana terdapat pegawai tentera yang berkhidmat di kem ini merupakan pegawai yang berasal dari semenanjung dan Sabah. Hal ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti berlaku ataupun tidak kekaburuan makna kerana pegawai tentera yang berasal dari semenanjung akan bertutur menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara sedangkan masyarakat di Sarawak sudah tentunya lebih selesa menggunakan dialek Melayu Sarawak ketika berinteraksi.

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih sampel dalam kalangan pegawai tentera yang berkhidmat di Rejimen 510 Askar Wataniah daripada elemen tempur. Elemen tempur terdiri daripada 25 orang pegawai tentera dan 8 orang daripada mereka bukan berasal daripada Sarawak dan telah dipilih oleh pengkaji sebagai sampel kajian ini.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa perbezaan kata nama dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada responden yang terdiri daripada penjawat awam yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan Sabah serta berdasarkan rujukan daripada jurnal dan makalah yang berkaitan dengan dialek Melayu Sarawak.

Menurut Tatabahasa Dewan (2011), kata nama merupakan perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama serta dapat dikelompokkan berdasarkan makna perkataan yang terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu kata nama am, kata nama khas, dan kata ganti nama. Berikut merupakan kata nama yang telah dikenal pasti mempunyai bunyi sebutan yang sama antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku tetapi berbeza dari segi maknanya.

Bil.	Perkataan	Dialek Melayu Sarawak	Bahasa Melayu Baku
1.	babas [ba.bas]	rumput	menyimpang dari arah yang dituju
2.	bala [ba.la]	keluarga	kumpulan orang, tentera, pasukan lain
3.	belon [bə.lon]	kapal terbang	kantung, sarung yang dibuat daripada getah tipis serta diisi dengan gas yang lebih ringan daripada udara
4.	diam [di.jam]	lokasi tempat tinggal	senyap
5.	kerak [ke.ra?]	monyet	(kerak-kerik) bunyi seperti mengeruk-ngeruk periuk
6.	kerubung [ke.ru.bun]	kulit (kerubung telur)	berkerumun
7.	landas [lan.das]	tengkujuh	alas, lapik
8.	motor [mo.to]	kereta	alat yang menukar satu bentuk tenaga menjadi tenaga mekanikal untuk menghasilkan gerakan
9.	roti [ro.ti]	biskut	sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung gandum
10.	serabut [se.ra.but]	pelacur	serat yang terdapat pada sabut atau kulit

**Jadual 1: Perbezaan Makna Kata Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Baku dalam Golongan Kata Nama**

Jadual 1 di atas menjelaskan perkataan yang dikenal pasti mempunyai bunyi sebutan yang sama antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dalam golongan kata nama.

Perkataan ‘babas’ merupakan antara perkataan yang telah menimbulkan kekeliruan kerana berlainan maknanya dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku. Rata-rata masyarakat Melayu Sarawak mendefinisikan ‘babas’ sebagai rumput iaitu tumbuhan yang melata di bumi yang berdaun tirus dan kecil. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, ‘babas’ ialah tidak sengaja

menyimpang daripada matlamat atau jalan yang dituju. Perbezaan makna perkataan "babas" dapat diteliti dengan lebih jelas berdasarkan ayat berikut:

1. (i) Babas di hadapan rumah Pak Mail semakin meninggi sejak beliau jatuh sakit kerana tiada siapa yang dapat diharapkan untuk memotongnya.  
(ii) Kereta yang dipandu oleh Ah Chong terbabas setelah beliau hilang kawalan kerana meminum minuman keras.

Hal ini jelas menunjukkan perkataan 'babas' termasuk dalam salah satu sumber teori polisemi iaitu pergeseran penggunaan yang dikatakan mempunyai pelbagai makna mengikut konteks ayat yang yang berbeza.

Perkataan yang turut menjadi kekeliruan ialah 'bala'. Perkataan ini turut tergolong dalam disiplin polisemi kerana menurut J.D Parera (2004) polisemi ialah ujaran dalam bentuk kata tetapi mempunyai maksud yang berlainan. 'Bala' dalam dialek Melayu Sarawak ialah keluarga atau dalam erti kata lain hubungan yang berasaskan keturunan atau perkahwinan. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula membawa pengertian kumpulan orang, tentera atau pasukan lain. Perbezaan perkataan 'bala' dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan ayat berikut:

2. (i) Bala Encik Kamaruddin sangat seronok kerana telah menerima menantu baru pada hujung minggu lepas.  
(ii) Bala tentera telah dikerah untuk membaiki jambatan yang rosak akibat banjir teruk yang berlaku baru-baru ini.

Walaupun makna bagi perkataan 'bala' ini tidak sama tetapi keduanya tetap mempunyai kaitan iaitu seolah-olah menggambarkan besar dan banyak. Hal ini dapat dikaitkan dengan salah satu teori dari polisemi iaitu bahasa figuratif ysng menyatakan setiap perkataan yang dikenal pasti sebagai polisemi mungkin memiliki makna lain namun masih mempunyai kaitan serta tidak hilang makna utamanya.

Seterusnya ialah perkataan 'belon'. Perkataan ini turut dikategorikan dalam disiplin polisemi berdasarkan teori semantik leksikal kerana menurut F.J Palmer polisemi merupakan satu perkataan yang mempunyai satu set makna yang berbeza. Kebanyakan penutur asli dialek Melayu Sarawak mendefinisikan 'belon' sebagai kapal terbang. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, 'belon' ialah kantung atau sarung yang dibuat daripada getah tipis serta diisi dengan gas yang lebih ringan daripada udara. Perbezaan tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan ayat berikut:

3. (i) Puan Halimah sangat gementar untuk pergi bercuti kali ini, kerana pertama kali menaiki belon.  
(ii) Anak kecil itu menangis kerana belon miliknya baru sahaja pecah.

Melalui contoh ayat diatas, jelas bahawa perkataan 'belon' termasuk dalam salah satu sumber polisemi iaitu homonim yang diinterpretasikan kembali. Hal ini kerana kedua-dua makna 'belon' sama ada dalam bahasa Melayu baku mahupun dialek Melayu Sarawak masih berhubungan terutamanya apabila kedua leksemnya berdekatan. Perkataan ini dianggap masih berhubungan kerana menggambarkan sesuatu yang berterbangan.

Perkataan yang turut menjadi kekeliruan ialah, 'diam'. Bagi dialek Melayu Sarawak, 'diam' bermaksud lokasi tempat tinggal. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, bermaksud senyap. Menurut Mohamad Juanda Irawan (2014), polisemi ialah kata yang memiliki makna lebih daripada satu dan setiap makna tersebut saling bertautan. Perkataan 'diam' ini dilihat ada tautan kerana dalam dialek Melayu

Sarawak 'diam' adalah perkataan untuk menyatakan tempat kediaman kerana perkataan itu menggambarkan keadaan yang tidak bergerak ke mana-mana. Walaupun dalam bahasa Melayu baku

‘diam’ membawa pengertian senyap (Kamus Dewan, 2010), tetapi daripada sudut lain perkataan tersebut turut membawa maksud tidak berbuat apa-apa atau apabila ditambah perkataan lain seperti “duduk diam” turut membawa pengertian tidak bergerak ke mana-mana. Apabila diteliti dengan sempurna, terdapat perkaitan maksud “diam” yang terkandung dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku. Pengertian kedua-duanya lagi jelas terlihat dalam ayat di bawah, yang mana ayat 4 (i) merupakan ayat dalam dialek Melayu Sarawak manakala 4 (ii) merupakan ayat bahasa Melayu baku.

4. (i) Awak diam di mana?  
(ii) "Duduk diam-diam di sini," arah Puan Lily kepada anak saudaranya.

Perkataan yang turut menjadi kekeliruan antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku ialah ‘kerak’. Masyarakat Melayu Sarawak menggunakan perkataan ‘kerak’ itu kepada monyet. Manakala, dalam bahasa Melayu baku ‘kerak’ ialah lapisan atau selaput yang keras dan kering (yang melekat pada sesuatu benda) seperti contoh kerak nasi. Pengkaji mengklasifikasikan kedua perkataan ini merupakan polisemi berdasarkan teori semantik leksikal kerana menurut Mansoer Pateda (2010) polisemi ialah suatu kata yang mengandungi gugusan makna yang berbeza. Perbezaan kedua perkataan ini lebih jelas dilihat berdasarkan ayat berikut:

5. (i) Banyak sungguh kerak berkeliaran di sekitar rumah Tok Ali.  
(ii) "Buangkan kerak nasi di dalam periuk itu ya," pesan Puan Midah kepada pembantu rumahnya.

Seterusnya, perkataan yang turut menimbulkan kekaburan makna dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku ialah ‘kerubung’. Maka, perkataan ‘kerubung’ turut tergolong dalam disiplin polisemi kerana memiliki lebih daripada satu makna. Dalam dialek Melayu Sarawak ‘kerubung’ ialah kulit atau lebih spesifik digunakan untuk merujuk kepada kulit telur. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, ‘kerubung’ ialah berkerumun. Berikut merupakan ayat yang boleh menerangkan perkataan ‘kerubung’ dengan lebih jelas lagi.

6. (i) Ibu meminta adik membuang kerubung telur ke dalam tong sampai setelah selesai mengupasnya.  
(ii) Akibat gula yang telah tertumpah, banyak semut kelihatan berkerubung di atas meja tersebut.

‘Landas’ turut merupakan perkataan yang tergolong dalam disiplin polisemi kerana perkataan ini mempunyai makna yang berlainan dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku walaupun ejaan dan sebutannya sama. Dalam dialek Melayu Sarawak, ‘landas’ ialah tengkujuh atau musim hujan. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, ‘landas’ didefinisikan sebagai alas atau lapis. Perkataan yang bersinonim dengan perkataan ‘landas’ dalam bahasa Melayu baku ialah, pengalas, pelapik, papan hiris, dan bangku (Abdullah Hassan, 2015). Berikut merupakan ayat yang boleh menerangkan perbezaan perkataan ‘landas’ dengan lebih jelas.

7. (i) Pihak kerajaan menasihatkan rakyat agar menjaga keselamatan kerana musim landas telah melanda negara.  
(ii) Puan Hayati membuka gulungan tikar untuk dijadikan landas ketika berkelah sebaik sahaja sampai di Pantai Chenang.

Perkataan yang turut termasuk dalam perkataan yang menyebabkan kekaburan makna antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku ialah ‘motor’. Bagi kebanyakan penutur asli dialek Melayu Sarawak, ‘motor’ ialah kereta. Manakala dalam bahasa Melayu baku, ‘motor’ ialah alat yang menukar satu bentuk tenaga menjadi tenaga mekanikal untuk menghasilkan gerakan. Perbezaan kedua makna ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan ayat berikut:

8. (i) Ayah menghadiahkan motor baru kepada abang sempena kejayaannya dalam peperiksaan baru-baru ini.  
(ii) Motor elektrik yang digunakan di bengkel tersebut terdiri daripada pelbagai saiz.

Melalui contoh ayat diatas, jelas bahawa perkataan ‘motor’ termasuk dalam salah satu sumber polisemi iaitu homonim yang diinterpretasikan kembali. Hal ini kerana kedua-dua makna ‘motor’ sama ada dalam bahasa Melayu baku mahupun dialek Melayu Sarawak masih berhubungan terutamanya apabila kedua leksemnya berdekatan. Perkataan ini dianggap masih berhubungan kerana menggambarkan sesuatu yang bergerak.

Perkataan seterusnya yang turut menimbulkan kecaburan makna dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku ialah ‘roti’. Semasa pengkaji menjalankan temu bual terhadap penjawat awam di Kem Rejimen 501 Askar Wataniah, Kem Sri Rajang Sibu, responden kelapan telah mengakui bahawa perkataan ‘roti’ menimbulkan kekeliruan terhadap beliau ketika berinteraksi sesama rakan sejawat. Kerana perkataan ‘roti’ membawa makna yang berbeza dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku. Dalam dialek Melayu Sarawak, ‘roti’ ialah biskut atau kuih kering yang biasanya leper dan tipis. Dalam bahasa Melayu baku pula, ‘roti’ ialah sejenis makanan yang diperbuat daripada tepung gandum. Berikut merupakan ayat yang dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang perbezaan makna roti.

9. (i) Azwan gemar mengunyah roti yang rangup itu.  
(ii) Ibu akan menyiapkan roti bakar untuk bekalan ayah ke pejabat setiap hari.

Seterusnya, perkataan ‘serabut’ juga merupakan perkataan yang boleh menimbulkan kekeliruan. ‘Serabut’ dalam dialek Melayu Sarawak bermaksud pelacur atau orang yang menjual kehormatan diri. Manakala dalam bahasa Melayu baku pula, ‘serabut’ ialah serat yang terdapat pada sabut atau kulit. Menurut Abdullah Hassan (2015), perkataan yang bersinonim dengan perkataan ‘serabut’ dalam bahasa Melayu baku ialah gentian. Ayat di bawah dapat menerangkan dengan lebih jelas perbezaan makna perkataan ‘serabut’

Melalui contoh ayat diatas, jelas bahawa perkataan ‘serabut’ turut termasuk dalam salah satu sumber polisemi iaitu homonim yang diinterpretasikan kembali. Hal ini kerana kedua-dua makna ‘serabut’ sama ada dalam bahasa Melayu baku mahupun dialek Melayu Sarawak masih berhubungan terutamanya apabila kedua leksemnya berdekatan. Perkataan ini dianggap masih berhubungan kerana menggambarkan sesuatu yang tidak terurus. Hal ini bermaksud, perkataan ‘serabut’ itu seolah-olah menunjukkan kehidupan seorang pelacur yang sudah tentunya ‘kucar-kacir’, tidak terurus dan mengamalkan kehidupan yang tidak sihat.

10. (i) Pelakon yang sopan itu kelihatan janggal membawa watak sebagai serabut.  
(ii) Atok meminta kami mengutip serabut kelapa yang bersepah di halaman rumah.

## KESIMPULAN

Dialek Melayu Sarawak merupakan dialek yang paling banyak mempunyai kelainan berbanding dengan dialek lain yang terdapat di Malaysia ( Mary Fatimah Subet et.al: 2011). Hal ini kerana banyak perkataan dalam dialek Melayu Sarawak berlainan dengan dialek lain termasuklah dialek Sabah sehingga menimbulkan kekeliruan terhadap mereka yang bukan berasal dari Sarawak. Secara tidak langsung, perkara ini menyukarkan bagi individu yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan Sabah tetapi berkhidmat mahupun melancong ke Sarawak untuk memahami perkataan tertentu yang dituturkan oleh masyarakatnya.

Selain itu, kesukaran memahami dialek Melayu Sarawak juga akan menyukarkan individu dari Semenanjung Malaysia mahupun Sabah untuk berkomunikasi dan menjalinkan hubungan mesra sehingga berlakunya salah sangka, dan gagal untuk menyampaikan apa yang dimaksudkan dalam perbualan ketika

berkomunikasi. Maka, dengan adanya kajian ini serta beberapa senarai perkataan yang dipercayai mempunyai kekeliruan antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku, dapat membantu mengelakkan berlakunya salah faham, prejudis antara individu yang tidak mahir bertutur dalam dialek Sarawak dengan masyarakat di sana.

Masyarakat Melayu Sarawak memainkan peranan penting dalam mengangkat dialek Melayu Sarawak terutamanya terhadap penjawat awam yang tidak mahir dan mempunyai masalah dalam memahami dialek tersebut. Masyarakat Melayu Sarawak seharusnya membantu mereka yang belum menguasai dialek ini dapat menguasainya dengan baik bagi mengelakkan daripada berlakunya kekaburuan makna, salah faham, prejudis dan sebagainya. Hal ini bukanlah bermaksud terlalu mengagungkan dialek semata dan tidak mengendahkan kepentingan bahasa Melayu, tetapi perkara ini adalah untuk memudahkan perhubungan serta menjalankan hubungan mesra sesama masyarakat. Secara tidak langsung, perkara ini turut dapat mengekalkan keharmonian rakyat Malaysia kerana menguasai pelbagai dialek dari lain negeri.

## **RUJUKAN**

- Abdul Chaer. (2003). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT. Asdi Mahasatya.
- Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *The Phonological Diversity of The Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). Languages of Sarawak: In The encyclopedia of Malaysia. *Kuala Lumpur: Archipelago Press. Volume 9*. 34-35.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamber J.K., & Trudgill P., (1989). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1993). Penyelidikan dialek Melayu di Malaysia: Isu Perspektif. *Jurnal Dewaan Bahasa. Jilid 37. Bil. 7*. 580-602.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Mary Fatimah Subet. (2012). Homonim Antara Dialek Melayu Sarawak Dan Bahasa Melanau. *Issues in Language Studies. Volume 1 (1)*. 15-21.
- Indirawati Zainal. (2013). Semantik Leksikal: Penjenisandan Hubungan Makna. *Dewan Bahasa. Bilangan 3(8)*. 29-35.
- Madzhi Johari. (1989). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansoor Pateda. (2010). *Semantik Leksikal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Mario A.Pei., & Gaynor F., (1960). *A Dictionary of Linguistics*. London: Peter Owen.
- Mary Fatimah Haji Subet et al. (2011). Dialek Melayu Sarawak: Kelainan Semantik. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Volume 17*. 131-145.
- Mohamad Juanda Irawan. (2014). *Makna Verba Deru sebagai Polisemi (Tagiga) dalam Kalimat Bahasa Jepang (Kajian Semantik)*. Medan: Universitas Dian Nusantara.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 10(2)*. 97-114.
- Mohammed Azlan Mis. (2012). Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 12(3)*. 903-922.
- Newman, W.L (2000). *Social Research Methods: Qualitative & Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Nik Safiah Karim. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Palmer F.R. (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1993). Unsur-unsur Dialek dalam Naskhah Melayu Lama. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. 104-119.
- S.Nathesan. (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskadar. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.